

**SJK ( C ) YU HUA, KAJANG**  
**UJIAN BAHASA MALAYSIA (PEMAHAMAN)**  
**TAHUN 3 PENGGAL 1/ 2016,**  
**( ) MAC 2016 MASA : 75 MINIT**

Nama : \_\_\_\_\_ ( ) Markah : \_\_\_\_\_/100  
Kelas : \_\_\_\_\_ Tandatangan ibu bapa : \_\_\_\_\_

**Bahagian A : 10 markah**

**Gariskan jawapan yang betul ikut arahan yang dibaca oleh guru.**

1. Encik Teck Sing memelihara \_\_\_\_\_ ( ikan hiasan , ikan kaloi ) di ruang tamu.
2. Ayah membeli sebuah \_\_\_\_\_ ( motosikal , televisyen ) berjenama Panasonic.
3. Abang sedang \_\_\_\_\_ ( mencuci , memeriksa ) brek basikalnya yang rosak.
4. Kim Soon \_\_\_\_\_ ( membubuh , menyiram ) baja pada pokok tomato yang ditanamnya.
5. Barani memakai \_\_\_\_\_ ( buaian , pakaian ) renang yang sesuai ketika berenang.

**Bahagian B: 40 markah**

**Pilih jawapan yang paling sesuai dan tuliskan jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.**

6. Sekolah Ravi mengadakan \_\_\_\_\_ ke Zoo Negara.
- A dilawat                      B lawatan                      C melawat

7. Abang terjatuh ketika \_\_\_\_\_ kuda.

- A menunggang B penunggang C ditunggang

8. Ayah membawa adik ke kolam \_\_\_\_\_ setiap minggu.

- A berenang B perenang C renang

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



9. Nenek \_\_\_\_\_ buah mangga dengan sebatang galah.

- A mengait B memotong C memanjat

10. "Mari \_\_\_\_\_ bermain bola sepak," kata Adam kepada kawan-kawannya.

- A kamu B kita C kami

11. Semua guru berada di bilik mesyuarat. \_\_\_\_\_ sedang bermesyuarat dengan guru besar.

- A Mereka B Dia C Kamu

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.



12. Azman tidak menghadiri latihan sukan \_\_\_\_\_ dia demam.

- A supaya B tetapi C kerana

13. Ibu memasak gulai ikan \_\_\_\_\_ rendang ayam.

- A lalu                      B dan                      C sambil

14. Nelayan itu menggunakan se\_\_\_\_\_ jala untuk menangkap udang galah.

- A rawan                      B buah                      C helai

15. Ibu \_\_\_\_\_ daripada tuan rumah sebelum pulang ke rumah.

- A murah hati              B ambil berat              C minta diri

Soalan 16 berdasarkan gambar di bawah.



16. \_\_\_\_\_ yang memecahkan pasu ini ?

- A Siapakah              B Bagaimanakah              C Apakah

17. Mak cik saya membuat bunga ros \_\_\_\_\_ penyedut minuman yang terpakai.

- A pada                      B dari                      C daripada

18. Encik Toh sedang menunggu bapa saudaranya \_\_\_\_\_ perhentian bas.

- A di                      B ke                      C dari

19. \_\_\_\_\_ mengganggu haiwan-haiwan di dalam kandang itu.

- A Sila                      B Dilarang                      C Tolong

20. Umami ikan dibuat daripada ikan yang \_\_\_\_\_.

- A sihat                      B subur                      C segar

**Soalan 21 hingga 25**

**Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya di kertas jawapan yang disediakan.**

Azlina mendapat tempat pertama dalam peperiksaan akhir tahun. Bapanya telah menghadiahkan sebuah basikal yang berwarna merah untuknya. Azlina berasa sungguh gembira dan berjanji akan berusaha lagi.

Pada masa lapang, Azlina mengayuh basikal bersama-sama dengan kawannya di taman bunga. Mereka mengayuh basikal dengan **berhati-hati** kerana banyak orang berjoging dan bersenam di situ. Kadang-kadang, dia mengayuh basikal di halaman rumah. Ibu melarang Azlina mengayuh basikal di jalan raya kerana sangat berbahaya.

Azlina sangat sayang akan basikalnya. Dia selalu membersihkan basikalnya pada hujung minggu. Dia tidak mahu basikalnya kelihatan kotor dan buruk. Dia menyimpan basikalnya di dalam stor supaya selamat.

21. Azlina mendapat \_\_\_\_\_ dalam peperiksaan akhir tahun.

- A nombor satu              B nombor dua              C nombor tiga

22. Mengapakah Azlina berasa sangat gembira ?

- A Kerana banyak orang bersenam di situ.  
B Kerana banyak orang berjoging di situ.  
C Kerana ayah menghadiahkan basikal untuknya.

23. Azlina tidak berbasikal di \_\_\_\_\_.

- A halaman rumah              B jalan raya              C taman bunga

24. Azlina membersihkan basikalnya supaya \_\_\_\_\_

- A basikalnya bersih
- B basikalnya selamat
- C basikalnya kotor dan buruk

25. Perkataan **berhati-hati** dalam petikan bermaksud

- A cuai
- B cermat
- C lalai

**KERTAS JAWAPAN**

6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22	23	24	25

**Bahagian C : 10 markah**




Isi tempat kosong dengan **kata nama am** yang paling sesuai berdasarkan gambar yang diberikan.



26. Yusuf memelihara seekor \_\_\_\_\_ yang diberi nama Cici.




27. Ibu mengangkat \_\_\_\_\_ yang panas itu dengan berhati-hati.


	<p>28. Latisha suka makan _____ kerana rasanya sungguh manis.</p>
	<p>29. _____ itu sedang membajak sawah dengan jentera.</p>
	<p>30. _____ dari Pulau Langkawi itu sedang menuju ke jeti.</p>

- petani     kura-kura     feri     peruk     tembikal

Bahagian D : 12 markah

Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang betul.

	<p>31. "Mari saya tolong _____ bawakan beg itu," kata Alya kepada bapa saudaranya.</p>
---	--



32. "Dato' Mazlan ingin berjumpa dengan \_\_\_\_\_ sekarang," kata setiausaha itu kepada ibu Aini.



33. "Adakah ini dompet \_\_\_\_\_?" tanya Shanti kepada Teck Sing.



34. "Elvin, \_\_\_\_\_ sudah tandatangan borang kebenaran lawatan ini," kata Encik Wong kepada anaknya.



35. "Encik Maniam ingin berjumpa dengan \_\_\_\_\_," kata kerani itu kepada guru besar.



36. "Bolehkah saya pinjam kamera digital ini \_\_\_\_\_," tanya Siew Lan kepada abangnya.

pak cik

abang

puan

tuan

ayah

encik





**Bahagian F : 20 markah**

**Baca petikan. Kemudian jawab soalan-soalan dengan ayat yang lengkap di bawah.**

Saya seekor kijang. Saya boleh ditemui di hutan. Badan saya tidak besar. Saya sering menjadi buruan haiwan liar. Manusia juga suka memburu saya.

Biasanya saya hidup bersendirian. Saya aktif pada waktu siang dan malam. Saya suka meragut daun-daun, pokok-pokok kecil, herba dan buah-buahan.

Saya sekeluarga dengan rusa. Jangka masa hidup saya adalah antara 15 hingga 20 tahun.

41. Dimanakah kijang boleh ditemui ?

Kijang boleh ditemui di \_\_\_\_\_.

42. Bilakah kijang aktif ?

Kijang aktif pada waktu \_\_\_\_\_.

43. Kijang makan apa ?

Kijang makan \_\_\_\_\_.

44. Berapa lamakah jangka masa hidup seekor kijang ?

Jangka masa hidup seekor kijang adalah \_\_\_\_\_.

45. Adakah kijang suka hidup berkumpulan ?

\_\_\_\_\_

Amira murid baharu di SJK ( C ) Yu Hua. Dia belajar di Kelas Tiga Cerdik. Dia telah mengikut ayahnya yang bertukar ke tempat kerja baharu. Dahulu, dia bersekolah di SJK ( C ) Sungai Chua. Amira seorang murid yang bijak dan aktif.

Walaupun baru sebulan belajar di situ tetapi dia sudah mempunyai ramai kawan. Sikapnya yang mudah mesra amat disenangi oleh murid-murid di situ.

Guru-guru juga sering memuji Amira kerana dia murid yang lemah lembut dan bersopan-santun. Semua murid dan guru di SJK ( C ) Yu Hua sayang akan Amira.

46. Berapakah umur Amira ?

Amira berumur \_\_\_\_\_

47. Apakah nama sekolahnya dahulu ?

Nama sekolahnya dahulu ialah \_\_\_\_\_

48. Bagaimanakah Amira mendapat ramai kawan ?

Amira mendapat ramai kawan kerana \_\_\_\_\_

49. Mengapakah dia dipuji oleh guru-gurunya ?

Dia dipuji oleh guru-gurunya kerana \_\_\_\_\_

50. Tuliskan salah satu sifat yang ada pada Amira ?

\_\_\_\_\_